



ROSAK...cermin sisi penumpang sebuah tren MyKomuter yang retak selepas terkena lontaran batu.

PECAH
...cermin
penutup
alat
pemadam
api dalam
tren
MyKomuter
dipecahkan
penumpang



Mangsa vandalisme

Metro 21/3/12 MS 32.

Tiga daripada empat tren MyKomuter rosak selepas baru dua minggu beroperasi

>>Oleh Michelle Gun

michellegun@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Baru dua minggu beroperasi, tiga daripada empat tren MyKomuter sudah menjadi mangsa vandalisme menyebabkan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) terpaksa mengeluarkan lebih RM10,000 untuk membaiki kerosakan yang berlaku.

Lebih menyedihkan, satu daripada tren berkenaan pecah cermin sisi akibat dibaling batu pada hari pertama ia beroperasi pada 8 Mac lalu ketika melalui kawasan Kajang untuk perjalanan menuju Seremban.

Pengurus Kanan Unit Komunikasi Korporat KTMB, Mohd Fazil Ismail berkata, satu lagi tren turut mengalami kerosakan sama dalam kejadian terbaru, kelmarin apabila dibaling batu ketika dalam perjalanan ke Pela-



MOHD FAZIL...KTMB rugi lebih RM2 juta

bahan Klang.

“Selain itu, cermin peti menyimpan pemadam api di tiga tren Mykomuter itu turut dipecahkan dan satu daripadanya turut pecah cermin kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di dalam tren.

“Akibat semua kerosakan itu kami terpaksa mengeluar-

kan perbelanjaan lebih RM10,000 untuk kerja pembaikan termasuk mengimport semula barang rosak itu daripada pembekal di luar negara,” katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam.

Menurutnya, dalam kejadian baling batu membabitkan tren MyKomuter ke Seremban pada 8 Mac lalu, pihak KTMB menahan seorang remaja berusia 15 tahun dipercayai bertanggungjawab melakukan perbuatan itu.

Mohd Fazil berkata, remaja itu ditahan kakitangan KTMB sehari selepas melakukan rondaan di kawasan terbabit dan terserempak dengan suspek bersama seorang rakannya yang cuba mengulangi jenayah serupa.

“Petugas kami dapat menahan seorang daripada remaja terbabit manakala seorang lagi dapat melarikan diri. Suspek kemudian diserahkan kepada polis untuk tin-

dakan lanjut,” katanya.

Menurutnya, perbuatan suspek pada hari kejadian menyebabkan jadual perjalanan semua tren di laluan berkenaan terjejas kerana KTMB perlu membuat pemeriksaan dan siasatan sebaik mendapat laporan.

“Kejadian seperti ini bukan perkara asing bagi KTMB malah kerap berlaku setiap kali tren melalui kawasan penempatan penduduk. Kes paling teruk berlaku pada 2010 apabila seorang penumpang cedera terkena lontaran batu yang menembusi cermin Komuter.

“Kerosakan ini mungkin disebabkan ada pengguna yang marah kerana tidak selesa dengan kesesakan penumpang dan mungkin juga disebabkan mentaliti segelintir masyarakat kita yang masih tidak menghargai kemudahan disediakan,” katanya.

Menurutnya, jenayah van-

dalisme yang menyebabkan kerosakan tren MyKomuter yang baru dua minggu beroperasi itu amat mengecewakan kerana setiap satu tren berharga RM49 juta.

“Kos pembelian semua 38 unit tren baru adalah RM1.9 bilion dan wang itu adalah wang rakyat untuk kesesuaian semua pengguna. Jadi KTMB meminta kerjasama semua pihak supaya tidak merosakkan kemudahan terbaru ini,” katanya.

Mohd Fazil berkata, KTMB terpaksa menanggung kerugian lebih RM2 juta setiap tahun untuk membaiki kemudahan komuter lama yang dirosakkan pengguna.

“Jumlah besar ini sebenarnya boleh digunakan untuk meningkatkan kemudahan stesen dan komuter KTMB. Kami mendapati perbuatan vandalisme ini kerap berlaku lewat malam kerana tidak ramai penumpang,” katanya.